

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Borneo Post Online

TARIKH : Ahad, 29 November 2015



Tarikh Terbit: Ahad 29 November 2015

Beri peluang kedua untuk perbetul kesilapan lalu

KUCHING: Penghuni penjara harus diberi peluang kedua untuk memperbaiki kesilapan lampau dengan menimba ilmu pengetahuan sebagai persiapan menghadapi kehidupan baharu selepas dibebaskan kelak.

Menjelaskan perkara itu, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Fatimah Abdullah berkata, setiap lapisan masyarakat perlu memberi sokongan dan bantuan supaya golongan itu dapat memulakan kehidupan baharu.

“Penjara bukan sahaja disifatkan sebagai pusat menjalani hukuman kepada pesalah tetapi seharusnya juga ditakrifkan sebagai institusi pemulihan akhlak.

“Selain itu, ia juga harus menjadi tempat di mana para penghuni berpeluang mengasah bakat kemahiran selain menuntut ilmu sama seperti masyarakat lain.

“Justeru, sebagai masyarakat prihatin selayaknya kita harus memberi peluang kedua kepada mereka (penghuni penjara) mahupun banduan agar mereka tidak berasa dipinggirkan selepas kembali ke pangkuhan komuniti kelak,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian ‘Program Bacalah... Kamu Masih Di Hati’ di Penjara Puncak Borneo, Jalan Puncak Borneo dekat sini, semalam.

Fatimah berkata, penghuni institusi penahanan itu perlu sentiasa dibekalkan dengan pengetahuan dan latihan kemahiran yang boleh dijadikan sebagai aktiviti penjanaan ekonomi selepas mereka dibebaskan dari penjara.

“Di sini (penjara) bukan sahaja kita boleh menganjurkan latihan serta kursus kemahiran seperti memasak, menjahit, landskap mahupun bertukang, tetapi kita juga boleh memupuk minat membaca dalam kalangan penghuni.

“Kita percaya, dengan adanya pemupukan nilai membaca dalam diri penghuni, ia mampu memberi nilai tambah dalam pembangunan modal insan sekali gus

membantu pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam membentuk jati diri para banduan ini.

“Pada masa sama, ia juga sebagai persediaan untuk mempersiapkan penghuni atau banduan untuk mempunyai kemahiran untuk mereka mencari rezeki dan menjana ekonomi diri,” katanya sambil menambah beliau amat menyambut baik penganjuran program keilmuan itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Nafisah Ahmad berkata, penganjuran program itu merupakan kali kelima selepas penganjuran yang pertama di Sekolah Henry Gurney, Melaka pada tahun 2010, Sekolah Integriti Penjara Sungai Petani, Kedah (2011), Sekolah Integriti Penjara Kota Kinabalu, Sabah (2012) dan Pusat Koreksional Perlis (2014).

“Program ini bertujuan untuk memupuk dan mendekatkan golongan penghuni dengan budaya membaca memandangkan mereka juga merupakan sebahagian daripada rakyat Malaysia yang tidak boleh dipinggirkan.

“Pada masa sama, menerusi penyediaan koleksi bahan bacaan kepada penghuni sekali gus membantu untuk beriadah minda menerusi aktiviti membaca selain memartabatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat negara ini,” katanya.

Antara pengisian aktiviti yang turut dijalankan ialah ceramah motivasi yang disampaikan oleh Angkasawan Negara Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, program membaca bersama, sumbangan bahan bacaan kepada penghuni, Bengkel Literasi Maklumat, pameran dan banyak lagi.

Kepelbagaiannya program yang dianjurkan jelas memberi mesej kepada penghuni pusat penahanan bahawa mereka tidak pernah dipinggirkan daripada terus mendapatkan hak belajar.

Hadir sama Pengarah Seksyen Pemulihan dan Rawatan Jabatan Penjara Malaysia Timbalan Komisioner Penjara Kausalya Devi Sathoo, Pengarah Penjara Negeri Timbalan Komisioner Penjara Ajidin Salleh, Pengarah Penjara Puncak Borneo Penolong Komisioner Penjara Wallace Nawon serta Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Rashidah Bolhassan.